BAB 5
PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948

BAHAGIAN A - SOALAN OBJEKTIF

1. Gambar 1 di bawah menunjukkan Jawatankuasa Kerja yang ditubuhkan pada 25 Julai 1946.

Gambar 1

Apakah **tujuan** jawatankuasa tersebut ditubuhkan?
A. Menentukan jawatankuasa Perundingan Perpaduan Kaum
B. Membincangkan kedudukan Raja-raja Melayu dan orang Melayu
C. Menetukan tarikh kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu 1948
D. Membincangkan asas Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948

2. Mengapakah gabungan PUTERA dan AMCJA menolak rangka Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948?
A. Enggan berkompromi dengan penjajah
B. Jawatankuasa Kerja tidak diwakili semua kaum
C. Menentang pengembalian kuasa Raja-raja Melayu
D. Mahu kedudukan istimewa orang Melayu dipulihkan

3. Persekutuan Tanah Melayu 1948 telah ditubuhkan secara rasmi pada 1 Februari 1948 bagi menggantikan gagasan Malayan Union.
Apakah faktor-faktor pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948?
I. Bantahan orang Melayu
II. Sokongan pentadbir British
III. Bantahan golongan Imigran
IV. Cadangan Pesuruhjaya Tinggi British
A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

4. Penyataan di bawah merujuk kepada saranan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) melalui Piagam Atlantik pada bulan Ogos 1941.

Dasar Dekolonisasi

Bagaimanakah British bertindak mematuhi piagam tersebut di Tanah Melayu?
A. Memperkukuhkan sistem pertahanan
B. Menamatkan gagasan Malayan Union
C. Mengurangkan kuasa Raja-raja Melayu
D. Melonggarkan syarat kewarganegaraan

5. Gambar 2 di bawah menunjukan peranan Raja-raja Melayu dalam mengembalikan kedaulatan negara dengan pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Apakah kepentingan mempertahankan kedaulatan negara pada masa kini?
I. Mengukuhkan ekonomi imigran
II. Mengekalkan perpaduan rakyat
III. Memelihara kemerdekaan negara
IV. Memastikan penguasaan orang Melayu
A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

6. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu telah dimeterai secara rasmi pada 1 Februari 1948. Apakah ciri-ciri Persekutuan Tanah Melayu 1948?
   I. Gabungan sembilan buah negeri-negeri Melayu
   II. Majlis Perundangan Persekutuan diketuai oleh Sultan
   III. Rang undang-undang perlu mendapat perkenan pihak British
   IV. Jus Soli hanya terbuka untuk rakyat Raja dan rakyat British
   A. I dan II
   B. I dan IV
   C. II dan III
   D. III dan IV

7. Antara yang berikut, manakah syarat kewarganegaraan secara kuat kuasa undang-undang?
   A. Lahir di luar negeri dan ayahnya mestilah rakyat Raja
   B. Bersetuju taat setia kepada Persekutuan Tanah Melayu
   C. Mempunyai tingkah laku yang baik dan tiada rekod jenayah
   D. Bermastautin selama 15 tahun daripada 20 tahun dari hari permohonan

8. Apakah kesan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 terhadap orang Melayu?
   A. Syarat kewarganegaraan dilonggarkan
   B. Kedudukan istimewa orang Melayu diiktiraf
   C. Mengembalikan kedudukan Raja-raja Melayu
   D. Mewujudkan kerjasama kaum ke arah perpaduan

9. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 telah memberi kesan terhadap pemerintahan beraja di Tanah Melayu.
   Apakah kesan tersebut?
   A. Penubuhan Majlis Raja-raja
   B. Pelaksanaan sistem penasihat
   C. Pengenalan sistem Raja Berperlembagaan
   D. Penyelarasan sistem Pesuruhjaya Tinggi British

10. Apakah kepentingan Persekutuan Tanah Melayu 1948 dalam pembinaan negara dan bangsa Malaysia.
   I. Kewarganegaraan dilonggarkan
   II. Melahirkan identiti bangsa Malayan Union
   III. Hak mutlak memerintah negara yang berdaulat
   IV. Sistem demokrasi berkonsepkan Raja Berperlembagaan
   A. I dan II
   B. I dan IV
   C. II dan III
   D. III dan IV